

18/02/1999

Remaja Melayu paling ramai terbabit jenayah (HL)

KUALA LUMPUR, Rabu - Remaja Melayu didapati paling ramai terbabit dalam jenayah di ibu kota disebabkan pengaruh rakan sebaya, tekanan hidup dan kemiskinan, demikian menurut kajian Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).

Presidennya, Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata antara jenayah yang membabitkan remaja berkenaan ialah membunuh, cuba membunuh, samun tanpa senjata api atau bersenjata api, rogol, menyebabkan kecederaan, pelacuran dan vandalisme.

Beliau berkata, kajian selama dua tahun bermula Januari 1995 itu juga mendedahkan bahawa remaja Melayu begitu lemah dan mudah terpengaruh dengan ajakan rakan-rakan sehingga sanggup melakukan apa saja untuk keseronokan.

"Mereka juga mempunyai sifat mudah mempercayai orang lain dan menjadikannya `satu budaya' sehingga menyebabkan orang lain mengambil kesempatan ke atas diri mereka," katanya kepada Bernama di sini baru-baru ini.

Suhaimi berkata, kajian itu dibuat sekumpulan penyelidik GPMS diketuai Setiausaha Agungnya, Mohd Romei Ngah, sebagai panduan untuk gabungan itu mengambil langkah bagi membawa remaja terbabit pulang ke pangkal jalan.

Data dan maklumat bagi kajian itu diperolehi menerusi rekod polis, temu bual dengan pegawai polis, aktivis, kaunselor, tokoh agama, guru dan menerusi lebih 12,000 borang kaji selidik yang diedarkan kepada remaja di empat sekolah menengah dan remaja yang berpeleseran di tempat umum sekitar ibu kota.

Menurutnya, antara kes paling banyak dikesan membabitkan tekanan perasaan, terutama remaja dari keluarga miskin dan anak keluarga kaya tetapi mempunyai ibu bapa yang sentiasa sibuk.

"Tekanan perasaan sering dialami remaja yang mempunyai keluarga porak peranda, manakala mereka daripada kalangan keluarga miskin di bandar pula lebih mudah dipengaruhi rakan kerana ingin menikmati kemewahan seperti teman lain.

"Remaja daripada golongan kaya pula mengalami tekanan emosi yang tidak jauh berbeza. Mereka memiliki segala-galanya, tetapi tidak mendapat perhatian ibu bapa yang sentiasa sibuk dengan kegiatan masing-masing," katanya.

Suhaimi berkata, faktor lain ialah kurangnya pegangan agama dan sikap tidak ambil peduli masyarakat mendorong remaja bertindak 'kurang ajar' kerana menganggap diri mereka kurang diberi perhatian.

Menurutnya, remaja Cina menduduki tempat kedua dalam pembabitan jenayah, diikuti India dan kaum lain.

Sebagai contoh, katanya, perangkaan jenayah juvana yang direkodkan oleh polis menunjukkan daripada 290 remaja berusia antara 12 tahun dan 15 tahun, yang ditangkap kerana terbabit dalam jenayah pada 1995, 144 orang adalah Melayu, 103 Cina, 31 India dan 12 lain-lain bangsa.

Beliau berkata, GPMS kini merangka `Agenda Perdana' yang memberi tumpuan kepada program kesedaran pendidikan, kelas tuisyen bagi remaja yang akan mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR), program membina semangat dan kemotivasi.

Katanya, kebanyakan daripada 250,000 anggota GPMS di seluruh negara adalah lulusan pusat pengajian tinggi yang sudahpun menyatakan kesediaan untuk membimbing remaja.

Suhaimi berkata, program di bawah Agenda Perdana itu akan mula

digerakkan selepas dibentangkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang amat prihatin terhadap isu itu.

(END)